

MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	26 Feb 2014	Language	Malay
Circulation	238,082	Readership	833,287
Section	News	Color	Full Color
Page No	26	ArticleSize	374 cm ²
AdValue	RM 3,558	PR Value	RM 10,674



Kem Kepemimpinan Pelajar bentuk sahsiah mahasiswa

ALOR SETAR 25 Feb. - Sebanyak 595 mahasiswa terdiri daripada pemimpin pelajar di Universiti Utara Malaysia (UUM) mengikuti Kem Kepemimpinan Pelajar (SLC) dianjurkan universiti itu selama 11 hari baru-baru ini.

Kem itu bertujuan membentuk pemimpin masa depan yang mampu mencorakkan bangsa Malaysia ke arah yang lebih gemilang.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UUM, Prof. Madya Dr. Abdul Malek Abdul Karim berkata, kem itu merangkumi tiga fasa melibatkan pendedahan kepada teori kepimpinan, kemahiran membina pasukan serta kemahiran dalam merancang aktiviti mau pun program untuk mahasiswa.

"Program ini dijalankan secara tahunan di mana para peserta diberi kefahaman yang mendalam terhadap patriotisme, kepimpinan serta inisiatif yang perlu diambil dan dilakukan oleh seorang pemimpin hebat.

"Bagi fasa pertama, aktiviti dijalankan di dalam kampus sebelum para peserta dibawa ke Biro Tata Negara Kaki Bukit di Perlis dan yang terakhir perasmian dilakukan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir di TH Hotel agar peserta dapat merasai suasana yang

berbeza-beza," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Sementara itu salah seorang peserta, Hazimah Hassan, 21, berkata, dia berbangga dapat mengikuti program berkenaan kerana baginya kem itu banyak mendidik dirinya

dalam mengenal sisi lain dimiliki oleh seorang pemimpin.

"Dalam kem ini kami dididik tentang bagaimana seorang pemimpin perlu mempunyai 'soft skill' bagi berdepan situasi yang berbeza. Keyakinan diri perlu tinggi dan pe-

mikiran juga perlu maju untuk memimpin orang lain.

"Jelas sekali program ini amat bermanfaat untuk kami. Saya harap dengan segala ilmu diperolehi, saya dapat menjalankan amanah untuk memimpin rakan-rakan di universiti menjadi lebih baik," katanya.

Bagi Geethan Arumugam, 22, pula, dia dapat merasakan betapa keyakinan dirinya meningkat sebaik menamatkan program itu.

"Setelah mengikuti kem ini, saya akhirnya sedar bahawa setiap orang boleh menjadi pemimpin jika usaha yang diambil betul.

"Sebagai contoh, seorang pe-

mimpin tidak hanya boleh memiliki wawasan sebaliknya harus berdisiplin dan berakhlak baik serta sentiasa bermoral," ujarnya.

Dalam pada itu, Mukhriz ketika menyampaikan ucapannya berkata, para pemimpin dalam apa sahaja perbuatannya harus mempunyai tekad bahawa tindakan itu akan membawa kebaikan kepada negara.

Selain itu katanya, para pemimpin juga perlu berpegang kepada empat sifat Rasulullah SAW bagi membolehkan mereka berdepan dengan apa jua rintangan dalam membawa kebaikan kepada semua pihak.

"Anda pun tahu empat sifat itu adalah Siddiq, Amanah, Tabligh dan Fathonah. Jika kesemua empat sifat itu sentiasa dipegang, yakinlah bahawa anda sebagai pemimpin mampu melalui apa jua rintangan.

"Sebagai pemimpin, apa juga keputusan yang kita ambil, pasti akan ada pihak yang menganggap itu tidak adil baginya. Di situlah cabarannya namun kita perlu membuat keputusan yang adil dan terbaik bagi seramai mungkin manusia dan bukan hanya kelompok kecil saja," katanya.



MUKHRIZ Mahathir (tengah) beramah mesra dengan kumpulan kepemimpinan siswa Universiti Utara Malaysia selepas perasmian penutupan Student Leadership Camp 2014 di Tabung Haji Hotel, Kepala Batas, Alor Setar baru-baru ini.